

# PERJUMPAAN PEGAWAI WARAN INSTITUT BERSAMA ANGGOTA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5068-perjumpaan-pegawai-waran-institut-bersama-anggota](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5068-perjumpaan-pegawai-waran-institut-bersama-anggota)

TANJUNG BUNGAH, 29 Mei 19 - Satu perjumpaan Pegawai Waran Institut telah diadakan di dewan terbuka INSKEP. Di dalam ucapan beliau menyeru kepada semua bahawa kita perlu sentiasa mempamerkan mutu disiplin yang tinggi dan tidak sekali-kali melanggar undang-undang dan peraturan tentera. Terdapat beberapa perkara yang diingatkan adalah tidak boleh memohon untuk berhenti sesuka hati.

Selain itu juga warga tentera tidak hanya tertakluk pada undang-undang awam meliputi undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Begitu juga tidak hadir ke tempat kerja adalah satu kesalahan. Manakala pelanggaran disiplin boleh dikenakan tindakan undang-undang. Justeru itu, aspek disiplin sangat dititikberatkan. Pegawai Waran Institut juga mengingatkan pangkat disemat di bahu bukanlah satu kebanggaan semata-mata tetapi ia adalah amanah yang perlu dipikul untuk menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.



